

08 JUN 1998

Komanwel-Kempen

KEMPEN 'MALAYSIA BOLEH' KUMPUL EMPAT JUTA TANDA TANGAN

KUALA LUMPUR, 8 Jun (Bernama) -- Kempen tanda tangan 'Milo Malaysia Boleh' hampir mencapai sasaran lima juta selepas hanya sembilan bulan dilancarkan.

Lebih empat juta rakyat telah menghantar tanda tangan serta kata-kata perangsang sejak kempen itu dilancarkan pada 11 September lepas dan jumlah itu dijangka mencapai sasarannya sebelum bermula Sukan Komanwel ke-16, September ini, kata Pengarah Urusan Nestle Malaysia Ajit Saran, dalam satu kenyataan hari ini.

Nestle memulakan kempen mengumpul lima juta tanda tangan itu bagi menyemarakkan semangat rakyat untuk melihat Malaysia berjaya pada temasya tersebut.

Usaha itu juga akan dimuatkan dalam Buku Rekod Malaysia.

Ajit berkata, sambutan baik terhadap projek itu membuktikan kebanggaan dan komitmen rakyat Malaysia kepada ahli sukan dan negara.

Menurutnya, salah satu pesanan paling bersemangat ditulis oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berbunyi: "Semuanya Tak Mustahil, Malaysia Mesti Boleh!".

Pembesar negara yang turut menurunkan tanda tangan ialah Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Ja'afar, Raja Permaisuri Agong, Tuanku Najihah, Presiden Sukan Komanwel Putera Edward dan isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Ajit berkata, 20 van Nestle digunakan bagi mengutip tanda tangan itu di seluruh negara.

Satu majlis penyerahan lima juta tanda tangan secara simbolik akan diadakan pada malam sebelum bermulanya sukan tersebut, kata Ajit.

-- BERNAMA

RA ZB